

LAPORAN TAHUNAN 2012

Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor

ISI KANDUNGAN :

Muka surat

Perutusan Pegawai Daerah

Perutusan Orang Besar Daerah

Sepintas Lalu :

- Sejarah Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor
- Senarai Bekas Pegawai Daerah Kuala Selangor

Maklumat Korporat :
- Visi, Misi, Slogan dan Moto
- Objektif, Fungsi dan Piagam Pelanggan
- Para Pegawai PDTKS
- Senarai Nama Penghulu Daerah Kuala Selangor
- Carta Organisasi

Bahagian Khidmat Pengurusan :

- Unit Pentadbiran dan Kewangan
- Unit Teknologi Maklumat (ICT)
- Unit Majlis dan Keraian
- Unit Perkhidmatan dan Sumber Manusia
- Unit Keselamatan
- Unit Aset dan Stor

Bahagian Pengurusan Tanah :
- Unit Pembangunan Tanah
- Unit Pelupusan Tanah
- Unit Teknikal & Penguatkuasaan
- Unit Hasil
- Unit Pendaftaran Tanah

Bahagian Pembangunan :
- Unit Pembangunan Masyarakat
- Unit Pembangunan Fizikal

Bahagian Perundangan

Penganugerahan dan Pengiktirafan

PUSPANITA

Kelab Kebajikan dan Sukan PDTKS
Direktori



YBHG. DATO' MOHD MISRI BIN IDRIS
PEGAWAI DAERAH / TANAH KUALA SELANGOR
(28 APRIL 2008 HINGGA 15 NOVEMBER 2012)

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana Buku Laporan Tahunan Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor Tahun 2012 ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Sesungguhnya, penerbitan laporan ini amat penting bagi mewujudkan satu rekod yang konklusif berkaitan dengan pencapaian setiap Bahagian / Unit dalam melaksanakan tugas, aktiviti, program dan majlis sepanjang tahun 2012. Rekod-rekod ini selanjutnya boleh dijadikan rujukan pada masa hadapan dan seterusnya menjadi penanda aras atau *benchmark* kepada prestasi perkhidmatan setiap Bahagian/Unit pada tahun-tahun yang akan datang.

Saya percaya melalui penerbitan ini, pengiktirafan serta penghargaan dapat direkodkan bagi warga kerja yang telah memberikan sumbangan serta khidmat bakti yang tidak berbelah bahagi dalam mencapai sasaran kerja serta objektif organisasi.

Di atas kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja di atas pencapaian 4 Bintang oleh Laman Web Rasmi Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor dalam program *Malaysian Web & Government Portal Assesment* (MWGPA) Tahun 2012.

Semoga warga kerja Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor terus komited ke arah kecemerlangan selari dengan visi Selangor Negeri Maju, Idaman, Sejahtera dan Berkebajikan.

Sekian, Wassalam.

YBHG. DATO' MOHD MISRI BIN IDRIS D.P.M.S., S.M.S., A.M.N., A.M.S., P.P.T.



TUAN MOHAMAD YASID BIN BIDIN
PEGAWAI DAERAH KUALA SELANGOR
(Bermula 03 Disember 2012)

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana penerbitan Buku Laporan Tahunan Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor bagi Tahun 2012 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tahniah saya ucapkan kepada warga kerja Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor di atas komitmen dan sumbangan yang diberikan terutamanya di dalam pengisian Buku Laporan Tahunan ini.

Saya berpandangan semua warga kerja perlu berkongsi tekad dan iltizam ke arah menjadikan Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor sebuah organisasi yang dinamik, berdaya saing dan cemerlang. Ke arah itu, semua warga organisasi perlu berkongsi pemikiran dan nilai etika yang sama di samping memahami dengan jelas *core business* atau perkhidmatan teras yang menjadi asas kewujudan organisasi. Pekara ini boleh dicapai menerusi penerbitan Buku Laporan Tahunan di mana ianya kelak akan menjadi satu bahan rujukan asas bagi semua pihak.

Di atas kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah di atas perkhidmatan cemerlang yang telah direkodkan sepanjang tahun 2012. Semoga momentum kecemerlangan tersebut dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang.

Sekian, wassalam.

MOHAMAD YASID BIN BIDIN A.M.S.

PERUTUSAN ORANG BESAR DAERAH



YDH DATO' MOHAMAD YAACOB BIN DATO' ISMAIL
DATO' PENGGAWA PERMATANG PADUKA MAHA BIJAYA
ORANG BESAR DAERAH KUALA SELANGOR

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk memberikan sepatah dua kata di dalam Buku Laporan Tahunan Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor Tahun 2012 ini.

Di atas kesempatan yang diberikan, saya ingin merakamkan ucapan junjungan kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sultan Selangor di atas kepercayaan baginda melantik saya sebagai Orang Besar Daerah Kuala Selangor.

Saya berpandangan penerbitan ini adalah tepat pada masanya bagi membolehkan Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor menghebahkan kepada umum tentang fungsi, peranan dan perkhidmatan teras (*core-business*) jabatan. Maklumat ini amat berguna kepada pelanggan yang terdiri dari masyarakat pelbagai kaum di dalam memahami peranan jentera utama pentadbiran di daerah Kuala Selangor ini. Perkhidmatan awam kini perlu berusaha gigih untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan untuk terus kekal relevan.

Justeru, saya ingin menasihatkan seluruh warga kerja Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor agar terus berusaha dan memberikan perkhidmatan dengan ikhlas kepada masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa. Semoga usaha dan jasa baik tuan/puan itu mendapat sebaik-baik pembalasan dari Allah S.W.T.

Sekian, wassalam.

YDH DATO' MOHAMAD YAACOB BIN DATO' ISMAIL **D.S.I.S., P.J.K.**

1. SEPINTAS LALU :

Sejarah Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor

Pada tahun 1957-1958 Sultan Sir Abdul Samad Ibni Raja Abdullah iaitu Sultan Selangor yang keempat telah berhijrah ke Jugra untuk mencari penempatan yang baru. Pada waktu itu keadaan di Kuala Selangor tidak stabil sehinggalah kehadiran Pegawai Daerah Daerah Kuala Selangor Pertama iaitu Mr. Bellamy di awal tahun 1920-an.

Sejak kehadiran Pegawai Daerah Pertama sehingga sekarang terdapat seramai 54 orang Pegawai Daerah iaitu 24 orang berbangsa Inggeris dan 30 orang Melayu. Pegawai Daerah Melayu pertama ialah YM Raja Uda bin Raja Muhammad pada tahun 1934 – 1935.

- Tapak Pentadbiran Awal – Medan Perwira Bellamy sempena nama Pegawai Daerah pertama Daerah Kuala Selangor.
- Berpindah ke Bukit Hospital pada tahun 1978.
- Berpindah ke tempat sekarang pada tahun 1987 dan dirasmikan oleh Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Al-haj Sultan Selangor Darul Ehsan pada hari Jumaat 6 Rejab, 1407 Hijrah bersamaan 6 Mac 1987.
- Pejabat Daerah diwujudkan dibawah Perlembangaan dan Undang - Undang Tubuh Negeri sebagai pentadbiran - Tahap Ketiga dalam Sistem Pentadbiran Negara
- Pihak Berkuasa Tempatan dibawah Akta Kerajaan Tempatan (Akta 172) Tahun 1976 - Peringkat Ketiga dalam Sistem Kerajaan.

1.2 Senarai Bekas Pegawai Daerah Kuala Selangor

BIL	TAHUN	NAMA
1	Tidak diketahui	Bellamy
2	Tidak diketahui	Hale
3	Tidak diketahui	Scot
4	1924-1925	Mc Roseland
5	1925-1926	Weld
6	1926-1927	Joss
7	1927-1928	Wyatt
8	1928-1929	Dickson
9	1929-1930	W.D. Barron
10	1930-1932	A.T. Newboult
11	1932-1933	C.A. Vlieland
12	1933-1934	R.P. Clegg
13	1934	A. Sleep
14	1934-1935	Raja Uda bin Raja Muhamad
15	1935-1936	J.D. Hodgkinson
16	1936-1937	Raja Uda bin Raja Muhamad

17	1937-1938	Mohamed Salleh
18	1938-1939	A.B. Ramsay
19	1939	Syed Nordin
20	1939-1941	A.D. York

Perang Dunia Kedua (*Second World War*)

21	1945-1946	Tengku Mahmood Acad
22	1946	H.D. Eastwood
23	1946-1947	D.A. Somerville
24	1947-1948	R.M. Marsh
25	1948-1949	H.D. Headly
26	1949-1951	D.A. Borrie
27	1951-1952	D.C. Horton
28	1952-1955	D.A. Borrie
29	1955-1957	C.R.D. Danby
30	1957-1958	Raja Azam b. Raja Kamaralzaman
31	1958-1959	Raja Mokhtar b. Raja Yaacob
32	1959	Enche Hassan b. Haji Mohd Noh, PJK
33	1960	Akasah bin Haji Abdul Rahman
34	1960	Tahir bin Abdul Rahim
35	1960-1962	Abdul Rahman bin Lebai Abbas
36	1962	Radin Soenarno bin Radin Soenariyo
37	1963-1964	Raja Shah Kobat Raja Hamzah, AMN
38	1964-1967	Yang Rashidi bin Maasom AMN, PJK
39	1967-1969	Sulaiman bin Osman
40	1969	Shaharudin bin Ishak
41	1969-1971	Shahruddin b. Ishak
42	1971-1972	Wan Abdul Wahid b. Wan Hassan
43	1973-1974	Ahmad Kushairi b. Abdullah
44	1974-1979	Ghazali b. Mohd Noor ASK, PJK
45	1979-1980	Yidris bin Abdullah
46	1980-1983	Hj. Othman b. Abdul Rashid
47	1983-1988	Mahadi b. Arshad
48	1988-1991	Hj. Kasjoo b. Hj. Kadis PPT, PJK
49	1991-1994	Hj. Hamzah b. Md. Kassim ASK
50	1994-1996	Bahari b. Mohd Atan
51	1996-1998	Ishak b. Ahmad
52	1999-2003	Abdul Ghani b. Zainuddin

53	2003-2004	Hj. Mohd Shamsudin b. Hj. Lias
54	2004-2005	Hj. Zainal Abidin b. Hj. Arshad
55	Sept. 2005 -Sept. 2006	Mohammad bin Yacob
56	Sept. 2006- April 2008	Hj. Ab. Malek b. Hj. Mohd. Amin
57	April 2008 - Nov 2012	Dato' Hj Mohd Misri Bin Hj. Idris
58	Dis 2012 hingga kini	Tuan Mohamad Yasid Bin Bidin

MAKLUMAT KORPORAT

Visi :

- Menjadikan Daerah Kuala Selangor Daerah Idaman, Maju, Sejahtera Dan Berkebajikan Selaras Dengan Hasrat Dan Dasar Kerajaan Negeri Selangor

Misi :

- Mentadbir Dan Mengurus Daerah Melalui Perkhidmatan Yang Cekap Dan Tulus Ke Arah Melestarikan Kehidupan Rakyat Untuk Kesejahteraan Hubungan Dengan Tuhan, Manusia Dan Alam Sekitar Selaras Dengan Hasrat Dasar Kerajaan Negeri Selangor

Moto :

- Kejujuran Dan Ketekunan

Objektif :

a) Mewujudkan Pentadbiran Daerah yang telus, cekap dan berkesan serta dapat membantu ke arah pencapaian matlamat Dasar Pembangunan Nasional seiring dengan Visi Selangor Maju 2005 yang sejajar dengan perkembangan terkini ICT.
b) Merancang serta membuat penyelarasan secara menyeluruh bagi melancarkan dan mempercepatkan proses perlaksanaan projek-projek pembangunan yang meliputi sosioekonomi masyarakat setempat agar dasar kerajaan dapat dicapai dengan jayanya
c) Melipatgandakan usaha dalam misi mengutip hasil bagi Kerajaan Negeri Selangor semaksima mungkin bagi menjadi pemangkin dalam pembangunan dan kebajikan serta pendapatan.
d) Mewujudkan kakitangan yang mampu berfikir secara progresif dan dinamik bagi mewujudkan suasana kerja yang lebih cenderung ke arah kecemerlangan seiring dengan saranan daripada pemimpin tertinggi negeri dan negara.
e) Meningkatkan keberkesanan hasil kerja melalui kerjasama antara kakitangan bagi mengelakkan kecenderungan melakukan kesilapan dan kepintaran kakitangan yang dikongsi bersama.

Fungsi :

a) Pengurusan pembangunan dan pelupusan tanah
b) Menyediakan perkhidmatan teknikal dan penguatkuasaan.
c) Pengurusan pendaftaran hakmilik tanah.
d) Pengurusan kutipan hasil tanah
e) Khidmat Pengurusan termasuk pentadbiran, perkhidmatan sumber manusia, kewangan dan teknologi maklumat.
f) Pengurusan pembangunan sosioekonomi dan pelaksanaan infrastruktur projek kecil luar bandar.
g) Melaksanakan dasar terkini Kerajaan Negeri iaitu Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

Bahagian Khidmat Pengurusan :
Piagam Pelanggan :

Bahagian Khidmat Pengurusan

BIL	PERKARA	TEMPOH MASA
1.	Melayan pelanggan dengan mesra	Setiap masa
2.	Menyediakan warga kerja yang berkemahiran dan cekap dengan memastikan semua warga kerja menghadiri kursus serta peperiksaan dalam tempoh yang ditetapkan	Setiap masa
3.	Melaksanakan urusan kewangan dengan teratur dengan memastikan baucer bayaran disediakan dalam tempoh 8 hari dari bil diterima	8 hari
4.	Memastikan mesyuarat dan majlis-majlis rasmi dikendalikan dengan teratur	Setiap masa
5.	Mengendalikan aduan awam dengan segera	Setiap masa

Bahagian Pembangunan

BIL	PERKARA	TEMPOH MASA
1.	Menentukan golongan rakyat termiskin diberi perhatian dan bantuan yang sewajarnya	setiap masa
2.	Menentukan JKKK memainkan peranan dengan berkesan selaras dengan dasar kerajaan	setiap masa
3.	Menerima , memproses dan mengemukakan permohonan projek kecil ke UPEN dan PPN	4 minggu
4.	Menguruskan perlaksanaan projek kecil yang telah diluluskan	6 minggu
5.	Menguruskan bekalan / projek kecil yang telah diluluskan di bawah peruntukan wakil rakyat	4 minggu
6.	Menguruskan bayaran kepada kontraktor / pembekal	2 minggu

Bahagian Pengurusan Tanah

BIL	PERKARA	TEMPOH MASA
1.	Penyediaan Kertas untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (mulai permohonan lengkap diterima hingga keputusan dikeluarkan serta tanpa ambil kira urusan teknikel & jktd) • Tukar syarat tanah pertanian/perusahaan/ bangunan • Pemberimilikan tanah	3 - 6 bulan 3 - 6 bulan

2.	Pengeluaran Permit Bahan Batuan bagi:- • Tanah Hakmilik (ada Kebenaran Merancang) • Tanah Hakmilik (tiada Kebenaran Merancang & ulasan Teknikal) • Tanah Kerajaan	1 bulan 2 bulan 3 bulan
3.	Permohonan salinan Pelan Tanah	1 jam
4.	Kelulusan Pecah Sempadan/Bahagian:- • Bidang Kuasa Pentadbir Tanah Daerah • Bidang Kuasa Pengarah Tanah dan Galian	3 bulan 4 bulan
5.	Permohonan mendapatkan carian persendirian	1 jam
6.	Memberi ulasan teknikal bagi permohonan mendirikan bangunan	14 hari bekerja
7.	Pendaftaran Urusniaga dan Bukan Urusniaga	2 bulan
8.	Permohonan Kebenaran Pindahmilik Tanah:- • Bidang Kuasa Pentadbir Tanah Daerah • Bidang Kuasa Kerajaan Negeri	3 minggu 2 bulan
9.	Permohonan kebenaran mengadai tanah	14 hari bekerja
10.	Permohonan mendapatkan Sijil Carian Rasmi	1 hari bekerja
11.	Permohonan mendapatkan salinan sah hakmilik	1 jam
12.	Pengambilan balik tanah	12 bulan
13.	Menerima pembayaran bil-bil Cukai Tanah & Ansuran Rumah Murah	Serta merta
14.	Menerima pembayaran Bil-Bil Cukai Tanah & Ansuran Rumah Murah melalui pos (dengan syarat lengkap)	1 hari bekerja
15.	Pemulangan balik deposit - Kuasa pentadbiran (< RM10,000) - Kuasa Pegawai Kewangan Negeri (> RM10,000)	3-4 bulan
16.	Urusan bayaran pelbagai hasil	Serta merta
17.	Memperbaharui Lesen Menduduki Sementara bagi tempoh 3 tahun pertama	1 hari bekerja
18.	Permohonan tanah secara Lesen Menduduki Sementara bagi pertanian/kediaman/kilang/ bengkel (tanpa ambil kira ulasan Teknikal & JKTD) • Bidang Kuasa Pentadbir Tanah Daerah • Bidang Kuasa Kerajaan Negeri	2 - 5 bulan 3 - 6 bulan
19.	Permohonan Perlanjutan Tempoh Pajakan • Kuasa Pentadbir Tanah Daerah • Kuasa Pihak Berkuasa Negeri	3 bulan 3 - 6

		bulan
20.	Permohonan perwartaan tanah untuk tujuan awam	3 bulan
21.	Kelulusan penyatuan tanah • Bidang Kuasa Pentadbir Tanah Daerah • Bidang Kuasa Pengarah Tanah Dan Galian • Bidang Kuasa Menteri Besar	3 bulan 3 bulan 3 bulan
22.	Permohonan mendapatkan Perintah Jualan di mana proses kerja adalah seperti berikut:- • Notis saman supaya hadir siasatan kepada penggadai dan pemegang Gadaian (Seksyen 431 KTN) • Notis tidak dapat disempurnakan • Notis lelongan Awam (Borang 16H) • Tempoh yang diberikan kepada pembida berjaya lelongan untuk membayar baki 90% • Perakuan Jualan (Borang 16I)	1 bulan 1 - 2 bulan 1 bulan 120 hari 2 - 3 bulan
23.	Permohonan mendapatkan Penyata Akaun Cukai Tanah	Serta merta
24.	Semakan bil Cukai Tanah	Serta merta
25.	Pemulangan Bayaran Hasil Terlebih	2– 4 bulan

		
Dato' Hj Mohd Misri Bin Hj. Idris Pegawai Daerah Kuala Selangor 28 April 2008 Hingga 15 November 2012	Tuan Mohd Yasid Bin Bidin Pegawai Daerah Kuala Selangor 03 Dec 2012 – Julai 2013	YDH Dato' Mohamad Yaacob Bin Dato' Ismail Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Selangor

GAMBAR	
Mohd Khairuddin Bin Md Som Ketua Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pengurusan Tanah)	Mohd Faizal Bin Abdul Raji Ketua Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Khidmat Pengurusan) Feb 2008 – 05 Dis 2012

GAMBAR	GAMBAR
Ahmad Mahzan Bin Bohari Ketua Penolong Pegawai Daerah (Bahgian Khidmat Pengurusan) Dec 2012 - Kini	Abdul Razak Bin Maksud Ketua Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pembangunan)

Senarai Nama Penghulu Daerah Kuala Selangor

GAMBAR	GAMBAR

PENGHULU MUKIM JERAM Tn. Hj Kamaruddin Bin Hj Abd. Rahman P.P.T., P.J.K Balai Penghulu Mukim Jeram, Kampung Jeram, 45800 Jeram, Kuala Selangor Tel : 03-32891355 / 016-2491135 Faks : 03-32892145 Email : kamaruddin@selangor.gov.my	**PENGHULU MUKIM TANJONG KARANG 1** En. Jumasri Bin Jumin Balai Penghulu Mukim Tanjong Karang 1, 45500 Tanjong Karang, Kuala Selangor Tel : 03-32891355 / 019-3787162 Faks : 03-32892145 Email : jumasri@selangor.gov.my
GAMBAR	**GAMBAR**
PENGHULU MUKIM TANJONG KARANG 2 En. Shahrul Affendi Bin Zainurddin P.J.K Balai Penghulu Mukim Tanjong Karang 2, Tanah Pusat Desa, Jalan Kunci Air Buang, 45500 Tanjong Karang, Kuala Selangor Tel : 03-32690856 / 012-6919027 Faks : 03-32892145 Email : affendi@selangor.gov.my	**PENGHULU MUKIM BESTARI JAYA DAN HULU TINGGI** En. Hanis Bin Zahari Balai Penghulu Mukim Bestari Jaya, Taman Pancaran, 45600 Bestari Jaya, Kuala Selangor Tel : 03-32891355 / 012-3123044 Faks : 03-32892145 Email : hanis@selangor.gov.my

GAMBAR	**GAMBAR**

PENGHULU MUKIM API-API / IJOK En. Husain Bin Idris Balai Penghulu Mukim Api-Api / Ijok, Kampong Assam Jawa, 45700 Kuala Selangor Tel : 03-32891355 / 012-6529665 Faks : 03-32892145 Email : husain@selangor.gov.my	**PENGHULU MUKIM KUALA SELANGOR / UJONG PERMATANG** Tn. Hj Faidzullah Bin Hj Abd Ghani Balai Penghulu Mukim Kuala Selangor / Ujong Permatang, Kampung Permatang, 45000 Kuala Selangor Tel : 03-32891355 / 019-2438915 Faks : 03-32892145 Email : faidzullah@selangor.gov.my
GAMBAR	
PENGHULU MUKIM PASANGAN En. Jantan Bin Bd Ghani Balai Penghulu Mukim Pasangan, Kampung Tg. Siam, 45600 Bestari Jaya, Kuala Selangor Tel : 03-32891355 / 013-2297933 Faks : 03-32892145 Email : jantan@selangor.gov.my	

Carta Organisasi Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor : - "REFER Folder Carta Organisasi"

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Unit Pentadbiran & Kewangan


Gambar unit

- Fungsi dan Peranan

a) Mengurus hal-ehwal pentadbiran dan kewangan
b) Menyelaras kursus, seminar dan bengkel
c) Mengurus segala hal-ehwal berkaitan sumber manusia dari mula perlantikan sehingga persaraan
d) Mengawasi disiplin dan memproses tindakan tatatertib
e) Menyelaras Penilaian Prestasi Tahunan dan Panel Pembangunan Sumber Manusia
f) Memantau, mengurus dan memaklumkan aduan yang diterima


- Prestasi Perbandingan Perbelanjaan Bajet Mengurus Bagi Tahun 2010, 20111 Dan 2012

TAHUN	PERBELANJAAN	PERATUS
2010	**RM7,739.446.38**	**99.55%**
2011	**RM7,938,205.95**	**99.99%**
2012	**RM10,009,707.56**	**98.73%**



- Perbandingan Perbelanjaan Ulitiliti Tahun 2010,2011 Dan 2012 Bil Air Dan Bil Elektrik

TAHUN	PERBELANJAAN
2010	**RM240,251.86**
2011	**RM216,494.59**
2012	**RM309,955.14**



- Laporan Daftar Bil Bagi Bulan Januari- Disember 2012

BULAN	BAWAH 7 HARI	BAWAH 7 HARI	BAWAH 7 HARI	JUMLAH BIL
JANUARI	15	3	12	66
FEBRUARI	55	14	7	76
MAC	54	44	2	100
APRIL	6	44	36	86
MAY	24	52	39	115
JUN	46	25	18	89
JULAI	46	68	9	123
OGOS	67	34	0	101
SEPTEMBER	27	30	19	76
OKTOBER	90	20	2	112
NOVEMBER	39	30	22	91
DISEMBER	127	45	28	200

- Pelaksanaan Mesyuarat Utama Jabatan Tahun 2012

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Mesyuarat JKTU	3x
2.	Mesyuarat MBJ	4x
3.	Mesyuarat Lembaga Pelesenan	2x
4.	Mesyuarat AJK Amalan 5S	5x
5.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan	2x
6.	Mesyuarat JKPAK	4x
7.	Mesyuarat JKPA	3x
8.	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia	4x
9.	Mesyuarat Jawatan Kuarters Dan Balai-Balai Penghulu	4x
10.	Mesyuarat Lembaga Tatatertib/ Pengisytiharaan Harta	3x

Unit Teknologi Maklumat (ICT)

Gambar Unit

- Fungsi dan Peranan :

    a) Memberikan khidmat sokongan teknikal dalam teknologi maklumat dan komunikasi.
    b) Menyelaras dan mengawal penggunaan sistem, peralatan, server dan lain-lain yang berkaitan
    c) Membangun dan mengemaskini laman web jabatan
    d) Menyediakan latihan untuk semua pegawai dan anggota termasuk latihan pengguna

Prestasi Sasaran Kerja Tahunan 2012

BIL	PERANCANGAN			PENCAPAIAN		ULASAN
	PROJEK / AKTIVITI	BIL	TEMPOH	BIL	%	
1.0 PELAKSANAAN KERAJAAN ELEKTRONIK (PORTAL RASMI PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA SELANGOR)						
1.1	Penilaian Portal Rasmi PDKS dari *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)* oleh *Multimedia Development Corporation (MDEC)*	1	Januari - Disember	1	100	• Laman Web Rasmi Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor telah dinaiktaraf kepada Portal Rasmi PDKS. • Portal Rasmi PDKS telah mendapat penarafan 4 bintang pada tahun 2012 No : 341/554 Score : 65 Rank : 38/77 Star : 4

2.0 PEMANTAUAN RANGKAIAN INTERNET SERTA PENGURUSAN SISTEM APLIKASI						
2.1	Rangkaian Internet	2	JAN -DIS	2	100	• Bilik Pusat Operasi Rangkaian (NOC) telah diaudit oleh panel audit dalam ISMS pada 17 Mei 2012 untuk pelaksanaan pensijilan MS ISO 27001 ISMS • Proses Migrasi IPVPN (Internet Protocol Virtual Private Network) dan naiktaraf rangkaian telah selesai
2.2	Sistem-sitem yang sediada (RAKR,SPC,SPPT, Tender dan Sebutharga, e-Consent, STARS, e-Aset, TAWAS, SMUE, Portal e-Bu Tunggal, Sistem Warta Jawatan)	1	JAN -DIS	1	100	

	Sistem SPTB	1	JAN -DIS	1	100	• Proses Integrasi SPTB-SPHT telah dilaksanakan pada Julai 2012 • Pemasangan server SPTB baru oleh BTM PTG dan perluasan penggunaan SPTB versi 3.1 pada 9 hingga 10 Oktober 2012 • Backup data SPTB dilaksanakan mengikut jadual yang diberikan
	Sistem SPEKS	1	JAN -DIS	1	100	• Penggunaan SmartCard (PKI) pada sistem SPEKS telah dilaksanakan pada bulan Mac 2012.
	Sistem Pungutan Hasil Tanah (SPHT)	1	JAN -DIS	1	100	• Backup data SPHT dilaksanakan mengikut jadual yang diberikan. • Proses Integrasi SPTB-SPHT telah dilaksanakan pada 9 dan 10 Okt 2012

2.22	Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)	1	JAN -DIS	1	100	• Pengujian (Roll Out Test) Talian Eg*Net telah dilaksanakan pada 29 Feb 2012. • Pemasangan talian Eg*NET (talian backup) ke atas LAN PDKS telah dijalankan pada 12 Jun 2012.
2.23	Email Selangor	1	JAN -DIS	1	100	

3.0 LATIHAN DAN KURSUS KOMPUTER						
3.1	Microsoft Office 2010 (Word / Excel / Powerpoint)	1	JAN -DIS	1	100	• Seramai 40 peserta telah menghadiri kursus yang telah diadakan di Makmal Cyber, BTM pada bulan Jun dan Julai 2012

4.0 PENYELENGGARAAN KOMPUTER BERKALA (PM)						
4.1	Dari pihak pembekal (vendor)	1	JAN -DIS	1	100	• KSM Sdn BHD – 65 unit • GEV Sdn. Bhd – 120 unit • S.I Protech Sdn. Bhd – 70 unit pencetak • TELITI Sdn. Bhd – 27 unit pencetak
4.2	Aduan pengguna sepanjang tahun	Mengikut Keperluan	JAN -DIS	1	100	• Lebih daripada 100 aduan kerosakan yang telah diterima sepanjang tahun 2012
5.0	MENAIKTARAF DAN PENAMBAHAN RANGKAIAN PEJABAT DAERAH					
5.1	Pemasangan Wifi (Wifi Zone)	1	JAN -DIS	1	100	
5.2	Penambahan point internet di setiap unit	9	JAN -DIS	9	100	
6.0	KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR ICT (PERKAKASAN, PERISIAN, SISTEM KESELAMATAN)					
6.1	Membekalkan perkakasan ICT (komputer dan pencetak)	1	JAN -DIS	1	100	• Sebanyak 53 unit komputer dan 33 unit pencetak telah diterima • Sebanyak 2 unit komputer diterima dari pihak MAMPU untuk urusan Perlesenan Arak dan Permit Bahan Batuan.
7.0	PEMANTAUAN DAN PENGEMASKINIAN REKOD-REKOD INVENTORI PERALATAN ICT					
7.1	Pemantauan inventori, pengemaskinian rekod dan pelupusan peralatan ICT	1	JAN -DIS	1	100	



- Pengiktirafan Portal Rasmi Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor

Anugerah Cemerlang

Kerajaan Negeri Selangor

merakamkan tahniah kepada

Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor

kerana telah berjaya mencapai

Taraf Laman Web 4 Bintang

dalam

"Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2012"

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid Bin Ibrahim
Dato' Menteri Besar Selangor

Unit Majlis dan Keraian :

Gambar Unit

Fungsi dan Peranan :

a) Menyelaras, mengatur dan melaksanakan program-program berbentuk sambutan, keraian dan majlis rasmi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di peringkat daerah, mukim dan kampong

b) Menyelaras dan mengadakan pelbagai mesyuarat di peringkat Daerah

Majlis Rasmi dan Majlis Keagamaan :

BIL	PROGRAM	TARIKH	TARIKH
1	Program Penanaman Pokok Di Tapak Projek Pemuliharaan Kelip-Kelip Kuala Selangor Yab Dato' Menteri Besar Selangor	11.2.2012	Tapak Projek Pemuliharaan Kelip-Kelip, Kg Bukit Belimbing
2	Program Penyerahan Surat Perlantikan Ketua Kampung Negeri Selangor Oleh Yab Dato' Menteri Besar Selangor	11.3.2012	Stadium Tertutup Kuala Selangor
3	Program Karnival Terima Kasih Rakyat Yab Dato' Menteri Besar Selangor	25.3.2012	Stadium Tertutup Kuala Selangor
4	Program Muzium Dan Warisan Di Hadapan Asrama Pusat Seri Tanjong, Kuala Selangor	16.6.2012	Hadapan Asrama Pusat Seri Tanjong, Kuala Selangor
5	Program Khas "Terima Kasih" Rakyat Yab Dato' Menteri Besar Selangor	13.7.2012	Dewan Dato' Hormat Tg.Karang / Sg. Terap / Sg. Burong
6	Program Pelaksanaan 15 Min Reading Break@ Gerakan Membaca 2012	19.7.2012	Taman Kolam Ikan Air Tawar, Kuala Selangor
7	Majlis Cerapan Rasmi Hilal Ramadhan	31.7.2012	Baitul Hilal, Bukit Malawati
8	Program Tadarus & Tadabbur Perdana	5.8.2012	Masjid Nurul Huda, Parit Mahang
9	Majlis Keselamatan Jalan Raya Sempena Hari Raya Puasa	17.8.2012	Tol Ijok, Latar
10	Program Berbuka Puasa Perdana Peringkat Daerah Kuala Selangor	9.8.2012	Masjid Nurul Ehsan, Kg Seri Tiram Jaya
11	Majlis Cerapan Rasmi Hilal Syawal	29.8.2012	Baitul Hilal, Bukit Malawati
12	Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri	12.9.2012	Perkarangan Pejabat Daerah Kuala Selangor
13	Majlis Cerapan Rasmi Hilal Zulhijjah	27.10.2012	Baitul Hilal, Bukit Malawati
14	Perasmian Dataran Anak Muda Bestari Jaya Oleh Dato' Menteri Besar Selangor	6.10.2012	Dataran Anak Muda, Dewan Orang Ramai, Bestari Jaya
15	Program Forum Perdana Ehwal Islam Daerah Kuala Selangor	5-6.10.2012	Masjid Jamiur Ridhwan, Pekan Jeram

16	Program Penerangan Isu Talam Corporation Berhad (Talam) Bersama Rakyat Di 12 Pihak Berkuasa Tempatan	10.11.2012	Dewan Sri Siantan, Mdks
17	Program Kembara Bahasa 2012 Peringkat Negeri Selangor	22.11.2012	Kg. Harmoni, Ijok
18	Program Kembara Bahasa 2012 Peringkat Negeri Selangor	23.11.2012	Warisan Sembilang Resort, Jeram
19	Program Festival Jalanan Daerah Kuala Selangor (Pertandingan Masakan Tradisional)	1.12.2012	Dataran Kuala Selangor

Gambar-gambar sekitar majlis :

Unit Keselamatan :

Fungsi dan Peranan :

a) Menyelaras keselamatan daerah dan Setiausaha Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah

b) Merancang dan melaksanakan kempen-kempen bersama dengan agensi-agensi berkaitan

Dapatkan maklumat dari unit keselamatan

Unit Perkhidmatan dan Sumber Manusia

Gambar Unit

Fungsi dan Peranan

- Mengendalikan segala urusan perkhidmatan yang berkaitan dengan pegawai dan kakitangan seperti menerima kakitangan baru, kakitangan sementara (kontrak), pengesahan jawatan, kemasukkan jawatan berpencen, persaraan, kursus, urusan pergerakan gaji kakitangan. Menguruskan cuti, rekod peribadi kakitangan, Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) melalui Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS).

Pelaksanaan Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat MBJ Bil 1/2012	22 Mac 2012
2.	Mesyuarat MBJ Bil 2/2012	16 Mei 2012
3.	Mesyuarat MBJ Bil 3/2012	3 Sept 2012
4.	Mesyuarat MBJ Bil 4/2012	22 Nov 2012

Senarai Latihan/Kursus Dalaman

Bulan	**:**	**Jan 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Bengkel SKT 2011/ 2012	40 orang
Tarikh	:	29 - 31 Mac 2012	
Tempat	:	Hotel Mahkota, Melaka	
Bulan	**:**	**Mac 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Bengkel Manual Prosedur Kerja	25 orang
Tarikh	:	7 – 8 Mac 2012	
Tempat	:	Bilik Gerakan, Tkt 3, PDKS	
Bulan	**:**	**Mac 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Kursus Lanjutan Audit Dalaman Persekitaran Berkualiti	28 orang
Tarikh	:	14 – 15 Mac 2012	
Tempat	:	Bilik Gerakan, Tkt 3, PDKS	
Bulan	**:**	**Mac 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Kursus Pengucapan Awam	29 orang
Tarikh	:	27 Mac 2012	
Tempat	:	Bilik Gerakan, Tkt 3, PDKS	
Bulan	**:**	**April 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Peningkatan Integriti Dalam Perkhidmatan Awam	32orang
Tarikh	:	24-Apr-12	
Tempat	:	Bilik Gerakan, Tkt 3, PDKS	
Bulan	**:**	**April 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Kursus Asas Pengurusan Kewangan	30 orang
Tarikh	:	19-Apr-12	
Tempat	:	Bilik Gerakan, Tkt 3, PDKS	
Bulan	**:**	**Mei 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Bengkel Penyediaan Dokumen MS ISO 9001:2008	43 orang
Tarikh	:	7-10 Mei 2012	
Tempat	:	Hotel De Palma, Ampang	

Bulan	**:**	**Jun 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Kursus Microsoft Office 2010	18 orang
Tarikh	:	18-20 Jun 2012	
Tempat	:	Makmal ICT, Shah Alam	
Bulan	**:**	**Jul 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Kursus Microsoft Office 2010	18 orang
Tarikh	:	10-12 Jul 2012	
Tempat	:	Makmal ICT, Shah Alam	

Bulan	**:**	**Sept 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Ceramah : Kesedaran Jenayah Rasuah	30 orang
Tarikh	:	25-Sept-12	
Tempat	:	Bilik Gerakan, PDKS	
Bulan	**:**	**Sept 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Bengkel Dokumentasi dan Juru Audit MS ISO 9001:2008	32 orang
Tarikh	:	25-27 Sept 2012	
Tempat	:	Crystal Crown, PJ	
Bulan	**:**	**Okt 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Seminar Pengurusan Stress	30 orang
Tarikh	:	3 Okt 2012	
Tempat	:	Bilik Gerakan, PDKS	
Bulan	**:**	**Okt 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Kursus Pengurusan Fail	30 orang

Tarikh	:	9 Okt 2012	
Tempat	:	Bilik Gerakan, PDKS	

Bulan	**:**	**Nov 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Ceramah : Wanita Dalam Menghadapi Krisis Dalaman Sebagai Pekerja, Isteri dan Ibu	35 orang
Tarikh	:	21 Nov 2012	
Tempat	:	Bilik Gerakan, PDKS	
Bulan	**:**	**Dis 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Klinik Pemartabatan Bahasa	30 orang
Tarikh	:	4-5 Dis 2012	
Tempat	:	Bilik Gerakan, PDKS	
Bulan	**:**	**Dis 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Kursus Pembangunan Diri dan Integriti Kumpulan Sokongan II	38 orang
Tarikh	:	14-16 Dis 2012	
Tempat	:	Hotel Impian, Morib	
Bulan	**:**	**Dis 2012**	**JUMLAH PESERTA**
TAJUK	:	Ceramah : Pengurusan Kewangan Berhemah	40 orang
Tarikh	:	17 Dis 2012	
Tempat	:	Bilik Gerakan, PDKS	

Senarai Latihan/Kursus Luaran

Bil	Nama	Kursus	Tempat	Tarikh
1	2 orang pegawai	Kursus TOT bagi Pengurusan Tanah	Hotel Seri M'sia, Genting	16-18 Feb 2012
2	2 orang pegawai	Kursus Meningkatkan Kecemerlangan Diri	InPIM, Melaka	22-24 Feb 2012
3	2 orang pegawai	Kursus meningkatkan Kecemerlangan Diri dan Profesionalisme Bagi Penghantar Notis	Hotel Pantai Puteri, Melaka	22-24 Feb 2012
4	2 orang pegawai	Bengkel Pengurusan Tatatertib Siri 1/2012	Hotel Quality, KL	1-3 Mac 2012
5	2 orang pegawai	Kursus Hasil Tanah dan Hakmilik Strata	Pulai Spring resort, johor	2-4 Mac 2012
6	3 orang pegawai	Bengkel Pengendalian Barang Kes bagi Kesalahan Di Bawah Sek 425 & 426 KTN	Carlton Holiday, Shah Alam	2-4 Mac 2012
7	2 orang pegawai	Bengkel SOP Perobohan Rumah Ibadat	Hotel Seri M'sia, Genting	5-7 Mac 2012
8	2 orang pegawai	Bengkel Pelupusan, Kehilangan dan hapuskira Aset Alih dan Stor Kerajaan	Hotel Seri M'sia, Sepang	14-16 Mac 2012
9	2 orang pegawai	Seminar Peningkatan Kompetensi J/Teknik & Penyelia	Hotel Naza Tallya, Melaka	21-22 Mac 2012
10	3 orang pegawai	Seminar Latihan Submodul Pertukaran Perkhidmatan Gunasama	Hotel Holiday Villa, Subang	18-Apr-12
11	2 orang pegawai	Bengkel Semakan Semula KTN 1965	Residence Hotel, Bangi	19-21 April 2012
12	5 orang pegawai	Kursus Pembangunan Diri dan Integriti 2012 Bagi Pembantu Penguatkuasa dan PPT	Hutan Lipur Gunung Senyum, Pahang	21-23 Mei 2012
13	9 orang pegawai	Kursus Pembangunan Diri dan Integriti 2012 Bagi Pembantu Penguatkuasa dan PPT	Hutan Lipur Gunung Senyum, Pahang	24-26 Mei 2012
14	5 orang pegawai	Kursus Pengenalan Kepada ARGIS	D'Villa Residence	11-15 Jun 2012
15	4 orang pegawai	Bengkel Pengukuhan Perjawatan Pejabat Daerah/Tanah & PTGS	Hotel Seri Malaysia, Sepang	13-15 Jun 2012
16	3 orang pegawai	Kursus Pra Bicara Kes	De Palma Ampang	13-15 Jun 2012
17	1 orang pegawai	Seminar Pengurusan Harta Pusaka	Hotel Lost Of Tambun, Ipoh	29-Sept-12
18	1 orang pegawai	Bengkel Penyediaan Dasar Perumahan Mampu Milik	Holiday Villa, Subang	12-14 Okt 2012
19	2 orang pegawai	Kursus Kemahiran Berfikir dan Inovasi	Concorde Inn, Sepang	23-25 Okt 2012
20	2 orang pegawai	Bengkel Pemantapan Pengurusan Tanah	Sepang Gold Coast, Sepang	1-2 Dis 2012

Perjawatan

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK					
1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M54	1	1	0
2.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M52	1	1	0
3.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M48	2	2	0
4.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M44/M41	7	6	1
Jumlah			**11**	**10**	**1**
KEJURUTERAAN					
1.	Penolong Jurutera	J29	1	1	0
2.	Juruteknik	J22	1	1	0
3.	Juruteknik	J17	4	4	0
4.	Pelukis Pelan	J17	5	4	1
Jumlah			**11**	**10**	**1**
SISTEM MAKLUMAT					
1.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29	2	2	0
2.	Juruteknik Komputer	FT17	1	1	0
3.	Operator Mesin Prosesan Data (Jumud)	F11	1	1	0
Jumlah			**4**	**4**	**0**

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
KEWANGAN					
1.	Penolong Akauntan	W27	2	2	0
2.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	1	0
3.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	15	13	2
Jumlah			**18**	**16**	**2**
UNDANG-UNDANG					
1.	Penolong Pegawai Undang-Undang	L29	1	1	0

Jumlah			**1**	**1**	**0**
PENTADBIRAN DAN SOKONGAN					
1.	Penolong Pegawai Tadbir	N36	1	1	0
2.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
3.	Penolong Pegawai Tanah	NT32	1	1	0
4.	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu)	NP32	1	1	0
5.	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu)	NP27	6	6	0
6.	Penolong Pegawai Tanah	NT27	14	12	2
7.	Penolong Pegawai Tadbir	N27	2	2	0
8.	Pembantu Tadbir (P/O)	N26	1	0	1
9.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	6	6	0
10.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	44	44	0
11.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	1	0	1
12.	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	2	2	0

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
13.	Pembantu Setiausaha Pejabat	N17	2	2	0
14.	Pembantu Penguatkuasa	N17	8	8	0
15.	Penghantar Notis	N12	1	0	1
16.	Penghantar Notis	N3	8	8	0
17.	Pembantu Tadbir Rendah (Jumud)	N11	6	6	0
18.	Pembantu Am Pejabat	N4	1	1	0
19.	Pembantu Am Pejabat	N1	10	10	0
Jumlah			**116**	**111**	**5**
MAHIR , SEPARUH MAHIR DAN TIDAK MAHIR					
1.	Pemandu Kenderaan Bermotor	R6	1	1	0
2.	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3	11	10	1
3.	Pekerja Awam	R1	12	11	1
4.	Jaga (Jumud)	R1	2	0	2
Jumlah			**26**	**22**	**4**
Jumlah Keseluruhan			**187**	**174**	**13**

SENARAI NAMA PEGAWAI/KAKITANGAN MASUK TAHUN 2012

BIL	NAMA PEG/KAKITANGAN	JAWATAN	TARIKH MASUK	DARI JABATAN	CATITAN
1	EN MOHAMAD YASID B BIDIN	PEGAWAI DAERAH M54	16.11.2012	PDT KUALA LANGAT	
2	EN AHMAD MAHZAN B BOHARI	KETUA PENOLONG PEGAWAI DAERAH M48	10.12.2012	JPM	
3	EN JANTAN B AND GHANI	PENGHULU MUKIM PASANGAN NP32(KUP)	15.6.2012	PDT KLANG	
4	CIK SITI ROHANI BTE RAHMAN	PEN. JURUUKUR J29	1.10.2012		LANTIKAN BARU (K)
5	PN. ROZILLAWATI BTE MOHD HASHIM	PEMBANTU TADBIR N17	1.6.2012	PEJABAT KEBAJIKAN GOMBAK	
6	PN. SITI RAHMAHTUN BTE MOHD TALIF	PEMBANTU TADBIR N17	7.11.2012	JAIS	
7	EN SAADON B NORDIN	PEMBANTU AM PEJABAT N4(KUP)	16.6.2012		DIPINJAMKAN

SENARAI NAMA PEGAWAI/KAKITANGAN BERTUKAR TAHUN 2012

BIL	NAMA PEG/KAKITANGAN	JAWATAN	TARIKH BERTUKAR	KE JABATAN	CATITAN
1	EN MOHD ZAHID B BAHARUM	PEN. PEG. TANAH NT27	1.2.2012	PDT GOMBAK	
2	EN KAMAROZAMAN B NEKMAT	PEN. PEG. TANAH NT 32	15.2.2012	PTG SELANGOR	KENAIKAN PANGKAT NT 36
3	EN. ANUAR B MOHD DARUWAN	PEN. PEG. TANAH NT 27	1.3.2012	PDT SABAK BERNAM	
4	EN. MOHAMAD FAREEZ B MAHAT	PEN. PEGAWAI DAERAH M41	29.4.2012		MELETAK JAWATAN

5	YB DATO' MOHD MISRI B IDRIS	PEGAWAI DAERAH M54	16.11.2012	MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR	
6	EN MOHD FAIZAL B ABDUL RAJI	KETUA PEN. PEGAWAI DAERAH (KP) M48	5.12.2012	INTAN	BELAJAR BERGAJI PENUH
7	PN. SITI ZALAILA BT MOHAMMAD AMIN	PEMBANTU TADBIR N17	7.11.2012	JAIS	

SENARAI NAMA PERSARAAN PEGAWAI/KAKITANGAN 2012


BIL	NAMA PEGAWAI/KAKITANGAN	TARIKH BERSARA	CATITAN
1	PN RAHMAH BT JANTAN	1.2.2012	BERSARA PILIHAN
2	PN MAHERAH BT HJ MAHTAR	1.8.2012	BERSARA PILIHAN

Laporan Kehadiran Latihan Bagi Pegawai Dan Kakitangan Bagi Tahun 2012

BIL	KATEGORI PEGAWAI	JUMLAH PEGAWAI	BILANGAN PEGAWAI YANG TELAH HADIR KURSUS		BILANGAN PEGAWAI YANG TIDAK HADIR KURSUS
			KURANG 7 HARI	LEBIH 7 HARI	
1.	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (GRED 41-54)	10	0	10	0
2.	PELAKSANA (GRED 17 - 40)	137	32	105	0
3.	PELAKSANA (GRED 1 - 16)	41	20	21	0
	JUMLAH	**188**	**52**	**136**	**0**

Statistik Jumlah Hari Berkursus Bagi Pegawai dan Kakitangan Bagi Tahun 2012

Hari	Bil. Orang	%
0	0	0
1	0	0
2	2	1
3	9	5
4	9	5
5	14	7
6	18	10
> 7	136	72
∑	188	100%



Gambar-gambar sekitar kursus

Unit Aset dan Stor

Gambar unit

Fungsi dan Peranan :

1. Menguruskan semua aset alih Kerajaan di Kementerian/Jabatan di bawah kawalan meliputi:-

    a) Penerimaan
    b) Pendaftaran
    c) Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan
    d) Penyelenggaraan
    e) Pelupusan
    f) Kehilangan dan Hapuskira

2. Menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) Kementerian/Jabatan.

3. Menguruskan pelupusan aset alih kerajaan.

4. Menguruskan Kehilangan dan Hapuskira.

5. Menyelaras penyediaan Laporan berikut:-

    a) Menyediakan Laporan Tahunan Harta Modal dan Inventori.
    b) Menyediakan Laporan Suku Tahun Aset Alih dan Stok Kerajaan.
    c) Menyediakan laporan tindakan pelupusan, kehilangan dan hapus kira mengikut Tatacara Aset Kerajaan (TPA)-Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2007 yang telah ditetapkan.
    d) Menyediakan Laporan tindakan Surcaj/Tatatertib.

6. Unit Pengurusan Aset yang menguruskan aset alih Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk menguruskan stor seperti berikut:

   (a) Menyelaras Laporan Suku Tahun Pengurusan Stor daripada Kementerian / Jabatan / PTJ untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JKPAK yang di adakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan;
   (b) Mengurus pelupusan stok;
   (c) Mengurus kehilangan dan hapus kira stok;
   (d) Mengurus pelantikan Pemverifikasi Stor; dan
   (e) Menyelaras penyediaan laporan tahunan berikut daripada Kementerian / Jabatan / PTJ untuk dikemukakan ke Perbendaharaan Malaysia sebelum 15 Mac pada tahun berikutnya:

      (i) Laporan Kedudukan Stok (KEW.PS-13)
      (ii) Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor (KEW.PS-14)
      (iii) Laporan Tahunan Keseluruhan Pengurusan Stor (KEW.PS-15)
      (iv) Laporan Tahunan Verifikasi Stor (KEW.PS-16)
      (v) Laporan Tahunan Pelupusan Stok (KEW.PS-20)
      (vi) Laporan Tahunan Kehilangan dan Hapus Kira Stok (KEW.PS-22)

Nilai Aset Alih Tahun 2012 :

"RUJUK FOLDER UNIT ASET DAN STOR : NILAI ASET ALIH TAHUN 2012

Nilai Aset Tak Alih Tahun 2012 :

